

18 DEC 1998

DR MAHATHIR BELUM BUAT KEPUTUSAN SIAPA TIMBALAN PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 18 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau belum membuat keputusan tentang Timbalan Perdana Menteri yang baru dan masih menimbangkan mereka yang layak.

"Saya masih memikirkannya dan saya belum buat keputusan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan Ketua-ketua Rancangan Felda di sini hari ini.

Ditanya apakah beliau sudah mempunyai calon yang layak, beliau berkata: "Memang banyak calon yang sedang saya fikirkan, termasuk mereka yang menganggap diri mereka layak."

Perdana Menteri yang turut ditanya sama ada calon yang dipertimbangkan dari kalangan Naib Presiden Umno sekarang atau bukan, beliau enggan menjelaskan.

"Tidak boleh bagi tahu, bagi tahu kamu susahlah. Nanti orang luar marah, Naib Presiden marah. Tidak bolehlah..." katanya.

Jawatan Timbalan Perdana Menteri kosong setelah Datuk Seri Anwar Ibrahim dilucutkan jawatan itu dan jawatan menteri kewangan pada 2 Sept dan dipecat keanggotaan dari Umno sehari selepas itu.

Perdana Menteri berkata di Hanoi semalam selepas menghadiri sidang kemuncak Asean beliau masih menimbangkan sama ada melantik timbalannya sebelum pemilihan Umno tahun depan.

-- BERNAMA

HS AR AKD